

Bahasa Melayu Dalam Arus Globalisasi: Keutuhan Jati Diri dan Ketakatan Budaya Melayu

Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli, Wan Sallha Yusuf

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba meneliti penggunaan Bahasa Melayu di peringkat globalisasi. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang mempunyai kemampuan pelbagai bidang ilmu seperti matematik, sains, kejuruteraan, agama, peradaban dan lain-lain yang sebenarnya menunggak falsafah ilmu. Keupayaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar ilmu dan sebagai bahasa rasmi tidak dapat disangkal lagi. Keupayaan bahasa Melayu diteliti dari segi pembangunan bahasa tersebut dan kapasiti penutur telah menjadikan bahasa Melayu setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini. Kertas kerja ini juga mengkaji bahasa Melayu dalam konteks keutuhan jati diri etnik Melayu akibat daripada globalisasi dan dunia ICT dan ini merubah pemikiran bangsa Melayu terhadap bahasa ibundanya sendiri. Perhubungan bahasa dan budaya Melayu sebagai identiti bangsa akan disentuh dalam keutuhan jati diri bangsa Melayu tidak terhakis akibat daripada arus globalisasi tanpa mengeneipkan bahasa ibunda sendiri.

Kata kunci: Bahasa Melayu, globalisasi, keutuhan jati diri, ketakatan budaya Melayu.

1.0 PENGENALAN

Sebelum kita membincangkan dengan lebih mendalam tentang bahasa Melayu dalam era globalisasi, lebih baik sekiranya kita mengetahui dahulu akan kepentingan bahasa. Bahasa merupakan keupayaan manusia untuk berhubung antara satu sama lain termasuklah dari aspek potensi untuk kita mengerti dan memahami persoalan yang dimaksudkan. Bahasa juga berperanan sebagai unsur yang dapat membezakan antara makhluk yang terdapat di muka bumi ini. Menurut Bloch dan Trager (1942) menyatakan bahasa ialah sistem lambang-lambang pertuturan yang abitratori dan digunakan oleh anggota masyarakat untuk tujuan berhubung. Manakala Sapir (1921) mendefinisikan bahasa sebagai bersifat naluri yang bertujuan untuk menyampaikan idea, perasaan, dan emosi melalui lambang-lambang atau simbol-simbol tertentu yang dilahirkan atau digunakan. Sementara Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (1996) berpendapat bahawa bahasa menjadi milik masyarakat yang menuturkannya. Dalam pengertian lain, setiap masyarakat memiliki bahasa yang tersendiri dan semakin berkembang masyarakat itu maka jumlah penutur bahasa itu juga akan turut berkembang. Asmah Hj. Omar (1988) memberi pengertian tentang bahasa dalam erti kata yang sangat meluas. Beliau juga menyatakan bahasa merupakan petunjuk atau firasat kepada sesuatu kebudayaan. Hal ini membawa maksud budaya mencerminkan cara hidup dan persekitaran penutur

bahasa tersebut. Bahasa sebagai alat komunikasi antara manusia mempunyai berbagai-bagai fungsi. Salah satu fungsinya ialah mengungkapkan konsep, gambaran, dan menjelmakan perbuatan. Selain itu bahasa juga berfungsi untuk menyampaikan kehendak mental dan mengungkapkan perasaan, rasa hati dan gerak hati.

Bahasa Melayu yang merupakan salah satu akar umbi bangsa dapat mengembalikan sesuatu yang manusia sering hilang, iaitu rasa cinta dan persaudaraan serta nilai permufakatan kerana tujuan pengukuhan bahasa ialah menciptakan kesatuan dan kebersamaan. Dalam arus globalisasi, bahasa Melayu mesti menjadi bahasa ilmu, bahasa identiti bangsa Melayu dan bahasa Melayu perlu diperkukuh untuk dijadikan sebagai bahasa global.

2.0 KONSEP GLOBALISASI

Globalisasi merupakan istilah yang dikaitkan dengan kajian ekonomi, sosiologi, serta budaya dan merupakan barisan hadapan pembuatan banyak dasar di Hemisfera Barat bagi tempoh dua abad yang lalu. Perkataan globalisasi berasal daripada perkataan global, yang bermaksud universal. UNESCO mendefinisikan globalisasi sebagai satu struktur dan proses ekonomi, sosial, teknologi, politik dan budaya yang terhasil daripada ciri-ciri dalam pengeluaran, penggunaan, dan perdagangan barangan serta aset yang merangkumi asas ekonomi dan politik antarabangsa. Menurut Mittleman (1996) mentakrifkan globalisasi sebagai transformasi sejarah yang mengembang dan mempercepat interaksi merentasi masa dan ruang dengan implikasi yang besar dari segi perhubungan pertukaran kuasa, selain menambah daya kemampuan komuniti untuk menentukan nasib sendiri. Manakala Waters (1995) menyatakan globalisasi ialah proses sosial yang memperlihatkan kekangan geografi yang semakin berkurangan terhadap hal ehwal kemasyarakatan dan budaya, dan manusia sedar bahawa kekangan tersebut semakin berkurangan.

Menurut kamus dewan globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Manakala cendekiawan barat mentakrifkan globalisasi ini sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti mencakupi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial, dan ekonomi yang dirasai oleh seluruh umat manusia di dunia ini. Hal ini bermaksud segala perkara menjadi milik bersama dalam konsep langit terbuka. Globalisasi ini juga merujuk kepada perpindahan nilai, terutamanya cara berfikir dan gaya bertindak dari satu daerah dunia ke daerah dunia yang lain. Hakikatnya globalisasi ini sudah wujud sebelum istilah globalisasi itu diperkenalkan lagi. Fenomena globalisasi boleh dikiasikan sebagai gelombang besar yang sedang melanda dunia kini.

3.0 BAHASA MELAYU DALAM ARUS GLOBALISASI

Kajian tentang bahasa telah dijalankan oleh Albert Breton dari Kanada dengan melihat bahasa sebagai unsur modal manusia. Bahasa merupakan unsur penting dalam

komunikasi lisan mahupun tulisan. Tanpa bahasa, sebarang komunikasi tidak dapat berjalan dengan sempurna dan lancar. Oleh itu, dalam arus globalisasi mempelajari lebih daripada satu bahasa merupakan satu pelaburan yang sangat menguntungkan. Bahasa ibunda yang dipelajari merupakan ejen utama dalam sosialisasi seseorang kanak-kanak dengan bantuan keluarga, selepas menguasai bahasa pertama kanak-kanak ini akan diajar pula bahasa kedua seperti bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. Abad ke-21 merupakan era globalisasi dengan kemajuan sains dan teknologi maklumat yang begitu pantas menyebabkan terpinggirnya bahasa Melayu tanpa disedari. Dalam konteks negara Malaysia, bahasa antarabangsa ialah bahasa Inggeris. Kepentingan bahasa Inggeris akibat globalisasi tidak seharusnya menutup ruang bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris harus dipelajari kerana fungsinya sebagai bahasa ilmu, bukannya sebagai bahasa ibunda untuk menggantikan bahasa Melayu.

Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan alat perhubungan antara masyarakat dan mencerminkan jati diri masyarakat Melayu. Bahasa Melayu seharusnya menjadi penggerak tamadun bangsa kerana bahasa Melayu merupakan bahasa lingua-franca sejak dahulu lagi. Hal ini terbukti kerana bahasa Melayu sudah mampu memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu sebelum zaman sains dan teknologi lagi iaitu semasa zaman kerajaan Melayu Melaka yang mana segala urusan perdagangan dan diplomatik berjalan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kemajuan, kesanggupan dan kewibawaan bahasa Melayu tidak boleh lagi dipertikai atau diragui dalam era globalisasi kini. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan dalam segenap bidang akan tetap kekal walaupun tidak dapat dipertikaikan bahawa bahasa Inggeris juga turut berfungsi sebagai bahasa menimba ilmu di negara ini.

Keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dalam dunia globalisasi bergantung kepada kesediaan pengamal bahasa Melayu menggunakannya sebagai bahasa ilmu. Sekiranya tidak wujud rasa megah terhadap bahasa Melayu dan lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris maka fungsi dan peranan bahasa Melayu lama-kelamaan akan merosot dan pupus akhirnya. Untuk meletakkan bahasa Melayu pada tahap global, bahasa Melayu perlulah dibudayakan penggunaannya dalam segenap bidang. Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad (2009), bahasa sesuatu bangsa akan dipelajari oleh orang asing jika bangsa itu amat maju dan terkenal dengan ilmu yang dimiliki dan diterokai olehnya. Demikian juga sebelum abad ke-15 Masihi, orang Eropah terpaksa belajar bahasa Arab kerana tamadun Islam pada masa itu gah dan amat dihormati. Namun, selepas orang Islam ketepikan sains, ilmu perubatan dan hisab, orang Eropah tidak lagi mempelajari bahasa Arab. Sebaliknya orang Arab dan Islam terpaksa belajar bahasa Eropah. Jika kita ingin bahasa Melayu digunakan dengan meluas, kita perlu memajukan diri kita dalam semua bidang, terutamanya bidang ilmu dahulu. Sekiranya kita belum maju, minat untuk belajar bahasa Melayu akan terhad kepada sekumpulan kecil sahaja. Dalam usaha untuk mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat global, bukanlah bermakna masyarakat Malaysia boleh terlalu terbuka menerima pengaruh bahasa asing seperti memelayukan istilah asing tanpa kawalan.

Jelaslah bahawa bahasa Melayu tetap mempunyai peranan sebagai bahasa ilmu dalam dunia abad ke-21. Namun, kejayaan bahasa Melayu dalam tugas ini amat penting kerana kesediaan pengamal bahasa Melayu untuk menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu. Oleh itu masyarakat Melayu perlu optimistik dalam memartabatkan bahasa Melayu dan berdasarkan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa sejagat sejak dahulu lagi amat cerah.

4.0 KEUTUHAN JATI DIRI MASYARAKAT MELAYU DALAM ARUS GLOBALISASI

Globalisasi adalah suatu fenomena khusus dalam peradaban manusia yang bergerak terus dalam masyarakat global dan merupakan sebahagian daripada proses manusia global dan menyentuh seluruh aspek penting dalam kehidupan. Proses perkembangan globalisasi pada awalnya ditandai oleh kemajuan dalam bidang teknologi informasi dan teknologi. Dari kemajuan bidang tersebut maka bahasa Inggeris mendominasi dalam segenap bidang kehidupan manusia. Hal ini secara tidak langsung akan mengubah jati diri seseorang individu terutamanya bangsa Melayu terhadap keupayaan bahasa Melayu itu sendiri. Kelakuan individu akan menentukan jati dirinya dan jati diri individu kemudian akan membentuk jati diri masyarakat. Dengan melihat jati diri individu, kita dapat memahami jati diri masyarakat dan dengan melihat jati diri masyarakat, kita dapat melihat jati diri individu. Apakah jati diri masyarakat Melayu masih utuh dalam mengharungi arus globalisasi yang mana bahasa asing mendominasi dalam segenap bidang.

Selepas 54 tahun kemerdekaan, Malaysia telah mencapai kemajuan dalam segenap bidang. Namun begitu, bahasa kebangsaan masih ketinggalan dalam beberapa urusan yang melibatkan sektor swasta dan sesetengah kementerian kerajaan yang begitu lumrah dengan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa asing semasa berurusan. Dengan ini, semua pihak perlu melipatgandakan usaha, strategik dan berwawasan untuk mereformasi dan memperkasakan bahasa Melayu supaya diluaskan fungsi dan kewibawaan dalam sektor swasta dan masyarakat Malaysia umumnya. Hal ini kerana bangsa Malaysia perlu berdikari, berfikir dan bertindak seiring menurut nilai-nilai pragmatik yang dimanifestasikan Satu Malaysia. Lakuan masyarakat Malaysia juga seharusnya berlandaskan bahasa kebangsaan untuk mempermudah hubungan dan kerjasama antara ras dan memperkukuh perpaduan nasional serta menjayakan masyarakat madani. Semangat ini perlu disemarakkan dalam kalangan masyarakat tidak mengira ras, agama dan budaya supaya seluruh masyarakat Malaysia mengenali, mempercayai, mencintai, menghormati, menerima dan mengamalkan bahasa dan budaya kebangsaan dengan rasa megah dan bangga serta bertanggungjawab.

Dalam peranan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, bahasa ini juga dituntut bersikap luwes dan terbuka terhadap pengaruh asing sesuai dengan zaman global dan tidak meruntuhkan kewibawaan dan rasa megah masyarakat Melayu semasa menggunakannya. Dalam kedudukannya sebagai bahasa pengantar terbesar di semua institusi, bahasa Melayu tetap mampu menunjukkan jati dirinya sebagai milik bangsa

yang beradab dan berbudaya ditengah-tengah gelombang permodenan antarabangsa. Sekiranya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di PBB, perkara begini tidak mustahil kerana sudah ada enam bahasa rasmi yang digunakan dalam persidangan tersebut seperti bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa Rusia, bahasa Arab dan bahasa Cina. Perkara yang paling membanggakan seluruh rakyat Malaysia apabila Tan Sri Razali Ismail telah memulakan menyampaikannya dalam bahasa Melayu dan memakai baju Melayu dalam satu persidangan PBB. Hal ini telah memperkenalkan jati diri negara, budaya dan bangsa di persada antarabangsa.

Menyedari bahawa penguasaan bahasa Inggeris begitu penting untuk mengantarabangsakan dan meletakkan universiti dalam senarai universiti di persada dunia, kita perlu sedari bahawa sebagai anak Melayu tanggungjawab sosial wajib dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa dunia. Sekiranya bahasa Melayu tidak dipelihara, tidak hairan seluruh identiti dan jati diri Melayu akan hilang oleh bangsanya sepertimana yang berlaku kepada bahasa-bahasa lain di dunia. Maka segala usaha membangunkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu diteruskan dan diberi perhatian yang khusus, oleh itu tugas dan usaha para akademik amat penting untuk mencapai taraf bahasa antarabangsa. Kini, bahasa dan budaya Melayu sudah mendapat tempat di universiti Jepun, Korea, Belanda, China, Thailand, Perancis dan beberapa buah negara Eropah yang lain. Pengantarabangsakan bahasa Melayu selain konteks penggunaannya dalam komunikasi yang sempit, dan lebih membanggakan kerana dapat menarik ramai masyarakat dunia mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Melalui penyebaran bahasa Melayu di luar negara, maka kedudukan bahasa Melayu lebih kukuh dan mantap di persada antarabangsa dan ini akan mengukuhkan rasa bangga dan megah bangsa Melayu itu sendiri.

5.0 KETAKATAN BUDAYA MELAYU DALAM ARUS GLOBALISASI

Pasca globalisasi sudah menjangkau abad ke-20, telah menjadikan masyarakat dunia termasuk masyarakat Melayu menerima pengaruh termasuklah pengaruh terhadap aspek kehidupan bangsa itu. Salah satu aspek kehidupan yang terpengaruh ialah kebudayaan. Pengertian tentang kebudayaan dapat diertikan sebagai nilai-nilai dan norma-norma yang dianuti oleh masyarakat ataupun persepsi yang dimiliki oleh warga masyarakat terhadap pelbagai hal. Kebudayaan juga meliputi bahasa, identiti, adat resam, dan nilai sesebuah bangsa. Dalam konteks negara Malaysia, kebudayaan Melayu merujuk hal-hal yang bersangkutan bahasa Melayu, identiti Melayu, adat resam Melayu malah seni dan sastera Melayu yang mendukung kebudayaan Melayu. Dengan peredaran masa yang begitu drastik, bangsa Melayu berhadapan dengan pelbagai cabaran. Oleh itu, Malaysia perlu memperkukuh kedudukannya seiring dengan perkembangan dunia global. Kegagalan meletakkan Malaysia di persada antarabangsa akan membantutkan kemajuan dan martabat bangsa. Situasi kebudayaan di Malaysia dianggap unik dan kompleks kerana kewujudan pelbagai warisan budaya dan etnik yang berlainan. Namun begitu, interaksi budaya antara kaum melahirkan sikap tolenrasi yang kuat.

Melalui interaksi dengan pelbagai masyarakat lain, bangsa Melayu atau kelompok-kelompok masyarakat telah mengalami proses dipengaruhi dan mempengaruhi. Kemampuan berubah merupakan sifat yang penting dalam kebudayaan manusia. Konsep dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) Malaysia telah digubal pada 1971 perlu diamati kerana mencorakkan wajah, jiwa dan semangat rakyat Malaysia. Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) berhubung kait dengan falsafah, pemikiran, kesenian, aspek kebendaan serta nilai dan norma kehidupan masyarakat induknya. Wajah kebudayaan Malaysia tidak boleh dibiarkan tenggelam dan pupus akibat pengaruh globalisasi. Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) di Malaysia telah meletakkan prinsip-prinsip kebudayaan asing boleh diserap dalam kebudayaan Malaysia asalkan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asal masyarakat Malaysia dan nilai-nilai ajaran agama. Kebudayaan, kesenian dan warisan yang dipertahankan mempunyai dua sifat iaitu bersifat kebangsaan dan bersifat serantau. Malaysia bernasib baik kerana memiliki bangsa yang serumpun dan mengamalkan budaya yang hampir sama walaupun mengamalkan agama yang berbeza. Pembangunan dan kemajuan negara akan menjadi tidak berguna sekiranya pembangunan insan tidak seiring dengan pembangunan negara. Segala kemajuan sains dan teknologi akan sempurna apabila kehidupan sesebuah bangsa dan kelangsungan sesebuah negara berjalan serentak.

Bangsa yang maju dalam semua bidang diukur dengan ketinggian akal dan daya berfikir dengan warisan kebudayaan yang dipelihara dan kesenian yang indah serta halus dan utuh jati diri bangsa dan negaranya. Terdapat negara yang telah pupus budaya dan seni dan mendukung budaya dan tradisi asing, hal ini jelas sekali bahawa negara tersebut telah hilang identiti, jati diri dan tamadun bangsanya sendiri. Kekuatan kebudayaan dan kesenian merupakan sebahagian daripada kekuatan tamadun bagi bangsa dan negara. Proses kelahiran bangsa dan negara yang mendukung kebudayaan dan kesenian memerlukan kerjasama daripada segenap masyarakat yang bernaung didalamnya.

6.0 KESIMPULAN

Arus globalisasi mendatangkan pelbagai impak kepada dunia dan masyarakat yang tinggal didalamnya. Dasar langit terbuka yang dirasai kini mendatangkan impak terhadap bahasa, budaya, identiti dan tamadun sesebuah bangsa. Dalam hal ini, bahasa Melayu telah menjangkau batasan dalam mengembangkan sayapnya ke persada antarabangsa. Kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu tidak perlu dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana bahasa ibunda sudah ada penuturnya sendiri di beberapa buah negara asing dan sedang berkembang menongkah arus globalisasi dan tidak mustahil pada satu hari bahasa Melayu juga merupakan salah satu bahasa yang digunakan dalam persidangan PBB.

Globalisasi sebenarnya bukanlah ancaman kepada kedudukan bahasa Melayu sebagaimana yang dinyatakan oleh Naisbitt. Globalisasi merupakan sebuah paradoks untuk melawan hegemoni kapitalisme dan kuasa-kuasa barat dan ini dapat meningkatkan martabat bahasa Melayu ke peringkat yang lebih tinggi. Untuk mencapai tahap tersebut, tumpuan perlu diberikan kepada kedudukan bahasa Melayu yang

menekankan kepentingan khazanah intelektual, kekayaan nilai budaya dan keutuhan jati diri serta peradaban yang tinggi yang ada dalam bangsa Melayu itu sendiri. Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa yang tidak menitikberatkan akar bahasa dan budaya akan hilang keunggulannya di tengah-tengah arus globalisasi. Manakala bangsa yang melakar sejarah keagungannya apabila kuat akar tradisi dan budaya dan mendukung tinggi kedudukan bahasa walaupun terpaksa berhadapan dengan hegemoni globalisasi dan kekuatan kapitalisme.

Oleh itu kita perlulah berusaha bersungguh-sungguh untuk meletakkan bahasa Melayu dalam dunia teknologi dan membina modal insan yang cemerlang dan memiliki jati diri yang tinggi. Modal insan kebahasaan perlu bekerjasama dengan modal insan persuratan dan teknologi untuk menjadikan ruang maya sebagai matlamat membina bahasa Melayu sebagai bahasa dunia. Kita juga tidak boleh alpa dan menyalahkan mana-mana pihak tetapi perlu bekerjasama untuk merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia.

RUJUKAN

- A.Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Aziz Deraman. (2011). *Gegar Sokmo*. Shah Alam, Selangor: Oasis Book Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2004). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jeniri Amir. (2009). *BAHASA NEGARA DAN BANGSA*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2009). *Nilai-Nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahathir Mohamad. (1982). *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz. (2002). *Mungkin Kreativiti Bangsa Dalam Bahasa*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Roslina Abdul Karim. *Bahasa dan Globalisasi: Cabaran Terhadap Perancangan Bahasa Melayu*.
- Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.